

LEMBU DIKONGSI UNTUK IBADAH KORBAN DAN AKIKAH

Ibadah korban dan akikah merupakan antara amalan ibadah yang disyariatkan dalam Islam. Kedua-dua ibadah ini mempunyai asas pensyariatan yang jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah serta telah diamalkan secara meluas oleh umat Islam sejak zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* hingga ke hari ini. Firman Allah *Subhanahu wata'ala* mengenai ibadah korban iaitu:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ

Maksudnya: “Maka sembahlah Tuhanmu dan berkorbanlah.”

(Surah al-Kauthar 108:2)

Ibadah akikah pula berdasarkan kepada hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* iaitu:

الْغُلَامُ مَرَّتَهُنَّ بِعَقِيقَتِهِ يُذْبَحُ عَنْهُ يَوْمَ السَّابِعِ وَيُسَمَّى وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ

Maksudnya: “Bayi itu tertebus dengan akikahnya, disembelih akikah pada hari yang ketujuh kelahirannya, diberikan nama dan dicukur rambutnya.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no.1522)

Kedua-dua ibadah ini melibatkan sembelihan binatang dalam kategori *bahimah al-an'am* iaitu haiwan ternakan yang terdiri daripada unta, lembu, dan kambing serta biri-biri dengan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak. Meskipun terdapat persamaan dari jenis haiwan sembelihan, namun masih wujud kekeliruan dalam kalangan masyarakat berhubung hukum perkongsian beberapa bahagian bagi seekor haiwan seperti unta atau lembu dalam melaksanakan ibadah korban dan akikah. Kekeliruan ini berpunca daripada perbezaan jenis ibadah dan tujuan serta sebab pensyariatannya dalam Islam.

Oleh yang demikian, penelitian hukum berkaitan perkongsian haiwan ibadah korban dan akikah ini dapat dilihat melalui hadis Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* iaitu daripada Jabir bin Abdullah *Radiallahu 'anh* yang menyebutkan:

نَحَرْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْحُدَيْبِيَّةِ الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ وَالْبَقَرَةَ
عَنْ سَبْعَةٍ

Maksudnya: “Kami telah melakukan korban bersama-sama Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam pada tahun Hudaibiyah dengan unta yang dikongsi dengan tujuh bahagian dan lembu yang dikongsi dengan tujuh bahagian.”

(Hadis Riwayat Muslim, no.1318)

Dalam hadis tersebut, Imam an-Nawawi dalam kitab al-Minhaj Syarh Sahih Muslim menyatakan bahawa keharusan untuk *isytirak* iaitu berkongsi seekor haiwan ternakan sama ada unta atau lembu untuk tujuh bahagian (iaitu setiap satu bahagian adalah mewakili seekor kambing).

Para ulama fiqh dari kalangan asy-Syafi’iyah mengharuskan perkongsian ibadah tersebut sebagaimana yang disebutkan oleh Ibnu Hajar al-Haitami dalam al-Fatwa al-Fiqhiyyah al-Kubra iaitu:

أَمَّا لَوْ ذَبَحَ بَدَنَةً أَوْ بَقَرَةً عَنْ سَبْعَةٍ أَسْبَابٍ مِنْهَا ضَحِيَّةٌ وَعَقِيقَةٌ وَالْبَاقِي كَفَّارَاتٌ فِي
نَحْرِ الْخَلْقِ فِي النَّسْكِ فَيُجْزِي ذَلِكَ

Maksudnya: “Sekiranya disembelih unta atau lembu untuk tujuh bahagian bagi sebab-sebab darinya untuk korban dan akikah, manakala bakinya untuk kaffarat iaitu untuk bercukur ketika ibadah haji maka sah hukumnya.”

Demikian juga pandangan dari kalangan al-Hanafiah yang mengharuskan perkongsian bagi korban dan akikah sebagaimana Ibn ‘Abidin al-Hanafi dalam Hasyiah (Rad al-Muhtar ‘ala al-Dur al-Mukhtar). Keharusan itu adalah kerana ibadah korban dan akikah adalah amalan yang bertujuan untuk *taqarrub* iaitu mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wata’ala*.

Oleh itu, dapat dirumuskan berdasarkan dalil dan pandangan ulama bahawa hukum berkongsi korban dan aqiqah pada sembelihan seekor lembu yang sama adalah diharuskan dalam Islam.